



## PERSATUAN GEREJA-GEREJA DI SARAWAK (ASSOCIATION OF CHURCHES IN SARAWAK)

### Warkah Pastoral sempena Pilihan Raya Umum Malaysia Ke-15

Kepada Gereja, Kristian dan semua masyarakat muhibah di Sarawak & Malaysia.

#### **DOA UNTUK NEGARA KITA MALAYSIA**

Berdoa adalah kewajipan sebagai umat Kristian: "Pertama-tama aku menyeru supaya permohonan, doa, syafaat dan kesyukuran dinaikkan untuk semua manusia, untuk raja-raja dan semua yang memegang kuasa, supaya kita hidup aman tenteram, salih dan penuh hormat." (1 Tim 2:1-2).

#### **MENGUNDI ADALAH TANGGUNGJAWAB DAN AMANAT SETIAP PENGANUT KRISTIAN**

Sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi berpelembagaan, kebebasan memilih pemimpin melalui proses pilihanraya adalah tanggungjawab serta hak kita sebagai rakyat Malaysia. Mengundi bermakna kita menunaikan tanggungjawab dan adanya kesedaran bahawa setiap undi kita dikira. Sesungguhnya Tuhan telah mempertanggungjawabkan kepada kita peranan penting ini demi kebaikan kita bersama.

#### **AMATI PEMIMPIN YANG AKAN DIUNDI**

Ini tidak bermakna kita mengundi secara membuta tuli atau mengikut populariti seseorang calon.

Lukas 3:10-14 Yohanes Pembaptis mengajar kita menentang ketidakadilan, eksplorasi, rasuah dan ketamakan.

Keluaran 18:16-22 Tuhan telah meminta Musa untuk memilih pemimpin yang ada sifat-sifat ini untuk memerintah umatnya.

Setiap penganut ugama Kristian haruslah berusaha untuk mendapat maklumat yang terbaik mengenai visi calon dan parti politik yang mereka wakili:

- Berkebolehan dan kompeten
- Bertanggungjawab dan telus
- Amanah dan berintegriti
- Taat kepada Tuhan dan sentiasa berusaha melakukan yang benar mengikut perintah-Nya
- Prihatin terhadap orang miskin dan peduli kepada mereka yang memerlukan "Berkongsilah dengan orang yang tidak mempunyai dan sesiapa yang mempunyai makanan hendaklah berbuat demikian." (Lukas 3:12)
- Tidak memberi atau menerima rasuah "Jangan memungut lebih daripada yang dibenarkan untuk anda lakukan." (Lukas 3:13)
- Tidak menggunakan kedudukan atau kuasa mengeksplotasi golongan miskin & terpinggir. "Jangan memeras wang daripada sesiapa dengan ugutan atau tuduhan palsu, berpuas hati dengan gaji anda." (Lukas 3:14)
- Tidak mengamalkan diskriminasi dari segi etnik, agama atau status sosial rakyat
- Menolak fundamentalisme agama dan ketaksuhan
- Melindungi keharmonian dan menggalakkan budaya saling menerima dan menghormati

Carilah kualiti di atas pada calon pilihanraya kali ini. Setiap warganegara Malaysia harus mengundi dengan hati nurani yang bersaksikan Tuhan. **Sebagai sebuah organisasi keagamaan, ACS TIDAK menyokong mana-mana calon atau mana-mana parti politik.** ACS menggesa ahli gereja untuk mencari dan memilih pemimpin yang saleh, yang akan memastikan kebaikan bersama tanpa mengira kaum, agama dan kedudukan sosial.

Di dalam kita menyedari betapa pentingnya bagi kita menuntut bahawa adanya sifat-sifat tersebut daripada ahli politik dan para pemimpin keugamaan kita, marilah kita juga mengingatkan diri kita tentang perumpamaan pedang bermata dua ini. Umat Kristian dipanggil untuk berusaha memupuk kualiti ini sebagai sebahagian daripada pengurusan diri dan kepimpinan kita di dalam keluarga masing-masing, di tempat kerja dan kedudukan kita sebagai pemimpin yang mana telah diamanahkan kepada kita. Semoga Allah merahmati Sarawak dan negara kita Malaysia.

**"Berdoa, Amati & Mengundi  
menurut hati nuranimu bersaksikan Tuhan"**

*Archbishop, Bishops, Pastors & Heads of ACS Association of Churches in Sarawak - 31 Oktober 2022.*